



KENYATAAN MEDIA

www.jkkn.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 15 / 2021

"ALERT": Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) menyampaikan sumbangan sebanyak RM54,600.00 kepada penggiat seni budaya di negeri Kedah

PROGRAM MERAKYATKAN SENI BUDAYA (PMSB) 'NOSTALGIA ZAMAN SILAM'

KEDAH, 4 Disember 2021 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) menganjurkan Program Merakyatkan Seni Budaya (PMSB): Nostalgia Zaman Silam yang berlangsung pada 4 Disember 2021 di Perkampungan Adat Melayu Seri Banian, Kampung Bendang Bukit, Pendang, Kedah. Majlis telah dirasmikan oleh YB Tuan Mohd Firdaus bin Ahmad, Exco Pelancongan, Seni dan Budaya, Belia dan Sukan dan Pembangunan Usahawan & Koperasi negeri Kedah. Turut hadir ialah YBrs. Encik Norazman Bin Othman, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan YB Dato' Suraya Binti Yaacob, Exco Kerja Raya, Bekalan Air & Sumber Air dan Tenaga negeri Kedah.

Program yang mendapat kerjasama daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta dan NGO negeri Kedah ini adalah bertujuan untuk memperkenalkan cara hidup orang Melayu zaman dahulu merangkumi adat resam, busana, seni bina, makanan, dan lain-lain kepada generasi muda di samping bertujuan untuk mempromosikan Perkampungan Adat Melayu Seri Banian sebagai salah satu destinasi pelancongan budaya yang mampu menjana ekonomi masyarakat tempatan.

Sebanyak RM 54,600.00 disumbangkan kepada dua (2) persatuan dan satu (1) Institusi Pengajian Tinggi yang dibantu melalui Insentif Seni Kewangan, empat (4) persatuan mendapat Sumbangan Kostum manakala Sumbangan Alat Muzik diberikan kepada kumpulan perantisan. Dalam program yang sama juga, penghargaan berbentuk wang tunai dan sijil turut diberikan kepada Encik Morad bin Ibrahim iaitu

Tokoh Bangsawan Negeri Kedah yang banyak memberi sumbangan kepada pembangunan bangsawan di negeri Kedah.

Senarai penerima bantuan dan sumbangan:

A. Insentif Seni Kewangan

1. Perspektif – RM 13,600.00
2. Persatuan Ikatan Mandaling Malaysia-Indonesia (IMAMI) – RM 14,000.00
3. Pusat Budaya dan Seni, Universiti Utara Malaysia – RM 13,000.00

B. Sumbangan Kostum

1. Persatuan Ukhuwah Seri Baniah – RM 2,000.00
2. Persatuan Kebudayaan dan Kesenian Masyarakat Cina Negeri Kedah – RM 2,000.00
3. Persatuan Siam Kedah – RM 2,000.00
4. Persatuan Nadar Nirthiya Fine Arts – RM 2,000.00

C. Sumbangan Alat Muzik

1. Kumpulan Perantisan Wayang Kulit Warisan – RM 4,000.00

D. Penghargaan

1. En. Morad bin Ibrahim – RM 2,000.00 & Sijil Penghargaan
Tokoh Bangsawan Negeri Kedah

“JKKN berharap dengan adanya sumbangan ini dapat membantu para penggiat seni budaya agar terus bersama menyemarakkan seni budaya sungguhpun kita masih dalam situasi pandemik” Kata Ketua Pengarah JKKN, Tuan Haji Mesran bin Mohd Yusop dalam satu kenyataan pada hari ini.

Program yang diadakan secara tertutup ini telah dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti kebudayaan dan kesenian, antaranya adalah; perarakan sambutan yang melibatkan penggiat seni budaya daripada pelbagai kaum, persembahan tarian dan muzik tradisional, seni mempertahankan diri Silat dan Wushu, demonstrasi produk kraf, demonstrasi masakan makanan tradisional, acara gotong – royong kenduri rakyat yang diketuai oleh Chef Shaifudin Rosli (Duta Produk Ayam Bismi), pameran senjata tradisional serta penampilan istimewa penyanyi popular tanah air, Ezad Lazim.

-TAMAT-

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Tel : 03-2614 8200 Faks : 03-2697 0786

Website: www.jkkn.gov.my **Email:** ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan
@mysenibudaya

Instagram, Twitter & You Tube : @mysenibudaya

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi

Mazidah Binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN mazidah@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200	Nik Mohd Fadly Bin Nik Mat Penolong Pengarah Kanan Unit Komunikasi Korporat, JKKN nikfadly@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 013-382 2115
---	---